

Terma dan Syarat

**Perbankan Prioriti dan Priority Private SIGNATURE AmBank
– Program “AUM Linked Loyalty” (1 Januari 2025 – 30 June 2025)
Tempoh Program: 1 Januari 2025 – 30 June 2025**

PERINGATAN: Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah dan penambahan terma dan syarat (sekiranya ada), dimana yang boleh didapati melalui www.ambank.com.my/terms-and-conditions. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memahami mana-mana terma dan syarat dan terma dan syarat yang terkini (sekiranya ada), Pelanggan yang Layak adalah dinasihati untuk membincang dengan mana-mana wakil sah dari Bank.

1. Definisi

Untuk tujuan terma dan syarat ini, kata dan ungkapan berikut mempunyai makna yang diberikan kepadanya kecuali jika konteksnya menghendaki sebaliknya:

“**Kumpulan AmBank**” merujuk kepada semua Syarikat Berkaitan dan Syarikat Bersekutu Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, yang ada sekarang atau di masa depan dan apa-apa rujukan kepada ‘Kumpulan AmBank’ dalam terma dan syarat ini, akan merangkumi semua atau mana-mana dalam Kumpulan AmBank.

“**AmSPB**” merujuk kepada AmBank SIGNATURE Priority Banking.

“**AmSPP**” merujuk kepada AmBank SIGNATURE Priority Private.

“**ABP**” adalah merujuk kepada individu prinsipal Aset Di Bawah Pengurusan dalam mana-mana Konvensional dan/atau Islamik deposit termasuk Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i + Akaun Semasa/Akaun Semasa-i + Deposit Tetap (DT)/Akaun Deposit Bertempoh-i (DB-i) dan/atau pelaburan termasuk *Bancassurance* sama ada Konvensional atau Islamik, yang dipegang dan ditawarkan melalui Bank.

“**Bank**” merujuk kepada AmBank (M) Berhad [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)] (AmBank), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Level 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Bancassurance**” merujuk kepada Produk *Bancassurance Life*, tidak termasuk Kredit *Life*.

“**Hari Bekerja**” merujuk kepada hari Bank yang dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

“**Kad yang Layak**” merujuk kepada Kad Kredit AmSPB Visa Infinite atau Kad Kredit AmSPB “*The Metal*” Visa Infinite “Principal” dan/atau “Supplementary” sahaja.

“Pelanggan yang Layak” adalah merujuk kepada definisi yang diterangkan dalam Klausa 3 yang seperti di bawah.

“Transaksi yang Layak” adalah merujuk kepada semua transaksi kredit kad dalam Kad yang Layak, kecuali transaksi yang tersenarai di Klausa 6 yang seperti di bawah.

“Kredit Kesetiaan” merujuk kepada kredit kesetiaan yang diperoleh berdasarkan program kelayakan dan kriteria seperti yang ditetapkan di Klausa 4 dan Jadual A. Kredit kesetiaan akan dikreditkan ke dalam Kad yang Layak yang dimiliki oleh Pelanggan yang Layak dalam bentuk pulangan tunai.

“Pelaburan” merujuk kepada produk yang termasuk Amanah Saham / Amanah Saham Patuh Syariah (“UT”), Amanah Saham Nasional Berhad Unit Amanah Harga Berubah (“ASNBU”), Amanah Saham Nasional Berhad Unit Amanah Harga Tetap (“ASNTU”), Produk Berstruktur dan/ atau Bon, yang disediakan oleh Bank kepada Pelanggan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

“Notis Terdahulu” merujuk kepada pemberitahuan oleh Bank mengenai fakta tertentu atau keadaan tertentu sekurang-kurangnya lima (5) hari kalendar.

“Program” merujuk kepada Program **“AUM Linked Loyalty”** (1 January 2025 – 30 Jun 2025) yang dianjurkan oleh Bank sesuai dengan syarat dan ketentuan yang ditetapkan di sini.

“Pemegang Kad Principal” merujuk kepada pemegang kad principal kepada Kad yang Layak.

Perkataan yang menunjukkan orang hendaklah merangkumi orang yang hidup dan, jika dan di mana berkenaan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Kata-kata yang mengimport tunggal juga merangkumi jamak dan sebaliknya. Kata-kata yang mengimport jantina maskulin merangkumi jantina feminin dan neuter.

2. Tempoh Program

Program akan bermula pada **1 Januari 2025 – 30 Jun 2025**, termasuk kedua-dua tarikh (**“Tempoh Program”**) atau tempoh lain yang ditentukan oleh Bank dengan Notis Terdahulu kepada Pelanggan yang Layak (seperti yang ditentukan di bawah) sebelum Terma dan Syarat yang baru berkuatkuasa dan diterbitkan di laman sesawang Bank di www.ambank.com.my.

3. Kelayakan

3.1 **“Pelanggan Yang Layak”** merujuk kepada pelanggan Bank yang memenuhi kriteria berikut:

- a) Pelanggan AmSPB yang mempunyai ABP principal Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) pada akhir setiap bulan Program (di sepanjang tempoh program) yang tertakluk kepada Jadual A seperti yang ditetapkan di bawah.

- b) Pelanggan AmSPP yang mempunyai ABP principal Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000) pada akhir setiap bulan Program (di sepanjang tempoh program) yang tertakluk kepada Jadual A seperti yang ditetapkan di bawah.
- c) Mempunyai Kad Kredit AmSPB “*The Metal*” Visa Infinite principal (“*The Metal*”) dan/atau Kad Kredit AmSPB Visa Infinite (“AmSPB VI”) semasa Tempoh Program seperti yang diterangkan di sini,

tapi tidak termasuk:

- a) Pelanggan AmSPB dan AmSPP tambahan dan pemegang kad tambahan AmSPB dan AmSPP
- b) Pemegang kad dari kad kredit, kad debit, kad pra bayar, kad korporat atau kad komersial yang lain, yang dikeluarkan oleh Bank; dan/atau
- c) Pemegang kad di mana akaun kad telah ditangguhkan, dibatalkan atau diberhentikan dengan alasan apa pun selama dan sehingga dua belas (12) minggu setelah tamat Tempoh Program.

3.2 Untuk mengelakkan keraguan, Program ini tidak memerlukan sebarang pendaftaran untuk tujuan penyertaan.

4. Mekanik Program

4.1 Tertakluk kepada terma dan syarat di sini, semua Pelanggan yang Layak yang memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan dalam Jadual A di bawah akan layak menerima Kredit Kesetiaan.

Jadual A: Kelayakan Kredit Kesetiaan Berdasarkan ABP Tambahan, Segmen dan Minima ABP

Segmen & Minima ABP	ABP Tambahan & Kelayakan Kredit Kesetiaan	Syarat-syarat
Pelanggan AmSPB dengan minima ABP prinsipal sebanyak RM200,000	Setiap ABP Tambahan sebanyak RM250,000 = RM188 Kredit Kesetiaan	Mesti memenuhi syarat-syarat berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1. Minima Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) perbelanjaan bulanan pada Kad yang Layak; dan 2. Membuat transaksi pelaburan dan/atau melanggan Produk Banca <i>Life</i> dengan jumlah minima Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) semasa Tempoh Program; dan 3. Minima ABP Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) dan ABP Tambahan sepanjang Tempoh Program; dan 4. Kredit Kesetiaan dihadkan kepada maksimum Ringgit Malaysia Lapan Ratus Lapan Puluh Lapan (RM888) bagi setiap pelanggan AmSPB bagi Tempoh Program

<p>Pelanggan AmSPP dengan minima ABP prinsipal sebanyak RM2,000,000</p>	<p>Setiap ABP Tambahan sebanyak RM500,000 = RM388 Kredit Kesetiaan</p>	<p>Mesti memenuhi syarat-syarat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Minima Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) perbelanjaan bulanan pada Kad yang Layak; dan 2. Membuat sebarang transaksi pelaburan (tranksaksi pelaburan dan/atau melanggni Produk Banca <i>Life</i> dengan jumlah minima Ringgit Malaysia Seratus Ribu (RM100,000) semasa Tempoh Program; dan 3. Minima ABP Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000) dan ABP Tambahan sepanjang Tempoh Program; dan 4. Kredit Kesetiaan dihadkan kepada maksimum Ringgit Malaysia Seribu Lapan Ratus Lapan Puluh Lapan (RM1,888) bagi setiap pelanggan AmSPP bagi Tempoh Program
---	--	--

Jadual B : Had Kredit Kesetiaan

Tempoh Program	Maksimum Kredit Kesetiaan bagi Pelanggan yang Layak bagi Setiap Tempoh	Maksimum Kredit Kesetiaan Diperuntukkan bagi Setiap Bulan	Maksimum Kredit Kesetiaan Diperuntukkan bagi Setiap Tempoh
<p>Tempoh 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 Januari 2025 sehingga 31 Januari 2025 • 1 Februari 2025 sehingga 28 Februari 2025 • 1 Mac 2025 sehingga 31 Mac 2025 	<p>AmSPB: RM888 AmSPP: RM1,888</p> <p>Had bagi Tempoh Program</p>	<p>RM27,500</p> <p>Had bagi Bulan Program</p>	<p>RM82,500</p> <p>Had bagi Tempoh Program</p>
<p>Tempoh 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 April 2025 sehingga 30 April 2025 • 1 Mei 2025 sehingga 31 Mei 2025 • 1 Jun 2025 sehingga 30 Jun 2025 	<p>AmSPB: RM888 AmSPP: RM1,888</p> <p>Had bagi Tempoh Program</p>	<p>RM27,500</p> <p>Had bagi Bulan Program</p>	<p>RM82,500</p> <p>Had bagi Tempoh Program</p>

- 4.2 Jumlah ABP Tambahan agregat bulanan (dalam Ringgit Malaysia (RM) dan RM yang bersamaan) Pelanggan yang Layak adalah dikira berdasarkan ABP bulan kalendar semasa tolak ABP tertinggi bulan kalendar sebelumnya (“ABP Garis Dasar”) bagi menentukan ABP tambahan bersih. Pelanggan yang Layak mesti mengekalkan minima ABP Garis Dasar sepanjang Tempoh Program untuk layak mendapat Kredit Kesetiaan. Sekiranya ABP jatuh di bawah minima ABP Garis Dasar pada akhir Tempoh Program, Pelanggan yang Layak tidak akan layak mendapat sebarang Kredit Kesetiaan.

Ilustrasi 1

Pelanggan A adalah ahli AmSPB dengan ABP Tambahan semasa Tempoh 1 seperti berikut.

Penerangan	Disember 2024 (ABP Garis Dasar 1)	Januari 2025 (ABP Garis Dasar 2)	Februari 2025 (ABP Garis Dasar 3)	Mac 2025 (Akhir Tempoh Program)
Segmen	AmSPB	AmSPB	AmSPB	AmSPB
Total ABP (Minima ABP RM200,000)	RM220,000	RM720,000 (Memenuhi minima ABP RM200,000)	RM1,000,000 (Memenuhi minima ABP RM200,000)	RM1,200,000 (Memenuhi minima ABP RM200,000)
ABP Tambahan (Minima ABP RM250,000)		RM500,000 vs. Garis Dasar 1 (Tertinggi) (Memenuhi minima ABP Tambahan RM250,000)	RM280,000 vs. Garis Dasar 2 (Tertinggi) (Memenuhi minima ABP Tambahan RM250,000)	RM200,000 vs. Garis Dasar 3 (Tertinggi) (Tidak memenuhi minima ABP Tambahan RM250,000)
Perbelanjaan Kad Bulanan (Minima RM5,000)		RM5,200 (Memenuhi minima Perbelanjaan Kad Bulanan RM5,000)	RM6,000 (Memenuhi minima Perbelanjaan Kad Bulanan RM5,000)	RM5,500 (Memenuhi minima Perbelanjaan Kad Bulanan RM5,000)
Trankansi Wealth (Minima RM50,000)		Melabur di Amanah Saham RM30,000	Melabur di Amanah Saham RM30,000	Tiada (Memenuhi minima trankansi Wealth RM50,000 semasa Tempoh Program)
Jumlah Kredit Kesetiaan Diperolehi (Maksimum RM888)		RM376	RM188	RM0
Client A adalah <u>LAYAK</u> mendapat Kredit Kesetiaan sebanyak RM564.				

Ilustrasi 2

Pelanggan B adalah ahli AmSPP dengan ABP Tambahan semasa Tempoh 2 seperti berikut.

Penerangan	Mac 2025 (ABP Garis Dasar 1)	April 2025 (ABP Garis Dasar 2)	Mei 2025 (ABP Garis Dasar 3)	Jun 2025 (Akhir Tempoh Program)
Segmen	AmSPP	AmSPP	AmSPP	AmSPP
Total ABP (Minima ABP RM2,000,000)	RM1,500,000	RM3,500,000 <i>(Memenuhi minima ABP RM2,000,000)</i>	RM2,000,000 <i>(Memenuhi minima ABP RM2,000,000)</i>	RM2,500,000 <i>(Memenuhi minima ABP RM2,000,000)</i>
ABP Tambahan (Minima ABP RM500,000)		RM2,000,000 vs. Garis Dasar 1 (Tertinggi) <i>(Memenuhi minima ABP Tambahan RM500,000)</i>	Nil vs. Garis Dasar 2 (Tertinggi) <i>(Tidak memenuhi minima ABP Tambahan RM500,000)</i>	Nil vs. Garis Dasar 3 (Tertinggi) <i>(Tidak memenuhi minima ABP Tambahan RM500,000 dan tidak mengekalkan ABP Tambahan sepanjang Tempoh Program)</i>
Perbelanjaan Kad Bulanan (Minima RM10,000)		RM10,200 <i>(Memenuhi minima Perbelanjaan Kad Bulanan RM10,000)</i>	RM12,000 <i>(Memenuhi minima Perbelanjaan Kad Bulanan RM10,000)</i>	RM11,500 <i>(Memenuhi minima Perbelanjaan Kad Bulanan RM10,000)</i>
Trankansi Wealth (Minima RM100,000)		Melabur di Amanah Saham RM50,000	Tiada	Tiada <i>(Tidak memenuhi minima trankansi Wealth RM100,000 semasa Tempoh Program)</i>
Jumlah Kredit Kesetiaan Diperolehi (Maksimum RM1,888)		RM1,552	RM0	RM0
Client B adalah TIDAK LAYAK dapat Kredit Kesetiaan disebabkan tidak mengekalkan ABP Tambahan sehingga akhir Tempoh Program.				

- 4.3 Jumlah maksimum Kredit Kesetiaan yang diperuntukkan untuk setiap Tempoh Program akan dihadkan pada Ringgit Malaysia Lapan Puluh Dua Ribu Lima Ratus (RM82,500) untuk Tempoh 1 dan Tempoh 2 masing-masing seperti yang dinyatakan dalam Jadual B di atas. Jumlah maksimum Kredit Kesetiaan yang diperuntukkan untuk program ini akan dihadkan pada Ringgit Malaysia Seratus Enam Puluh Lima (RM165,000). Walau bagaimanapun, setiap Pelanggan yang Layak AmSPB berhak mendapat jumlah Kredit Kesetiaan sehingga jumlah maksimum Ringgit Malaysia Lapan Ratus Lapan Puluh Lapan (RM888) bagi Tempoh Program dan setiap Pelanggan yang Layak AmSPP berhak mendapat jumlah Kredit Kesetiaan sehingga jumlah maksimum Ringgit Malaysia Seribu Lapan Ratus Lapan Puluh Lapan (RM1,888) bagi Tempoh Program.
- 4.4 Pelanggan yang Layak yang memenuhi semua kriteria dalam Klausa 4 akan layak menerima Kredit Kesetiaan berdasarkan siapa cepat, dia dapat, mengikut Transaksi yang Layak seperti yang direkodkan dalam sistem Bank. Tempoh tangguh lima (5) hari kalendar dari akhir Tempoh Program akan ditambah ke tarikh transaksi untuk tujuan penjejakan transaksi yang dipos. Untuk mengelakkan keraguan, Transaksi yang Layak mestilah transaksi yang dipos (Waktu Malaysia) dalam Tempoh Program. Bank tidak bertanggungjawab dalam apa jua cara sekalipun untuk sebarang pengeposan lewat Transaksi yang Layak ke akaun Pemegang Kad yang Layak yang disebabkan peniaga dan/atau mana-mana pihak ketiga.
- 4.5 Sekiranya pelanggan yang layak memegang beberapa Kad yang Layak, Kredit Kesetiaan bagi Transaksi yang Layak akan dikira secara agregat dan akan dikreditkan ke Kad yang Layak dengan Transaksi yang Layak terakhir, mengikut cop transaksi seperti yang direkodkan dalam Bank sistem.
- 4.6 Urus niaga berikut tidak termasuk dalam definisi Transaksi yang Layak:
- a) Pelan Pembayaran Mudah (EPP), Pemindahan Baki (BT), QuickCash (QC) dan Pendahuluan Tunai;
 - b) Transaksi “Quasi” bagi perjudian dan/atau permainan;
 - c) Transaksi e-Dompet termasuk, tapi tidak terhad kepada; BigPay, Touch’nGo, Boost, GrabPay, Setel, Lazada, Shopee, dan Wise (contoh: transaksi pertaruhan dan / atau permainan) (Termasuk, tapi tidak terhad kepada MCC: 4121, 4784, 4789, 4829, 5734, 6010, 6011, 6012, 6050, 6099, 6051, 6211, 6529, 6530, 6531, 6532, 6533, 6534, 6535, 6540, 7399);
 - d) sebarang bentuk bayaran balik;
 - e) sebarang pembayaran utiliti dan insurans termasuk pembayaran dalam talian, debit automatik dan transaksi berulang (termasuk, tetapi tidak terhad kepada MCC: 4812 - 4814, 4816, 4821, 4899, 4900, 5960, 6300, 3429, 6381 & 6399);
 - f) sebarang transaksi runcit yang dipertikaikan, tidak sah atau palsu;
 - g) sebarang fi atau caj yang dikenakan oleh Bank di mana termasuk pembayaran faedah/pengurusan, caj pembayaran lewat, caj untuk pengeluaran wang tunai, cukai perkhidmatan kad dan sebarang bentuk perkhidmatan/lain-lain yuran;
 - h) MCC transaksi Kebajikan, MCC transaksi Petrol dan MCC Perkhidmatan Kerajaan termasuk, tapi tidak terhad kepada MCC: 8398, 8641, 8651, 8661, 8675, 8699, 5172, 5541, 5542, 5983, 0000 and range 9000 - 9999;
 - i) sebarang transaksi dari JomPay atau pembayaran tanpa kod MCC ara MCC 0000;
 - j) pembayaran bil korporat atau transaksi “GIRO” korporat;

- k) tunai terdahulu/deposit/transaksi pengeluaran;
 - l) transaksi pinjaman perdagangan;
 - m) transaksi yang berada di bawah pengaturan korporat khas di mana rebat berlaku; transaksi yang kemudiannya dibatalkan, dipertikaikan, dikembalikan, transaksi yang tidak sah, mencurigakan atau menipu dalam apa jua sifat/ kemudian didapati tidak sah, mencurigakan atau menipu dalam apa jua sifat.
- 4.7 Kod Kategori “Pedagang” dan nama keterangan “Pedagang” atau sebarang perincian transaksi, penandaan atau pengenalan yang diberikan oleh Bank yang memperoleh “Pedagang” yang Layak untuk setiap “Pedagang” yang Layak merujuk kepada pertubuhan perniagaan atau peruncit yang telah bersetuju untuk membenarkan pembelian barangan dan perkhidmatannya dicaj kepada kad kredit, dan harus selaras dengan rekod dalam sistem Bank. Sebarang percanggahan antara KKP dan nama keterangan “Pedagang” atau sebarang perincian transaksi, penandaan atau pengenalan yang diberikan oleh Bank yang memperoleh “Pedagang” yang Layak dengan rekod dalam sistem Bank boleh mengakibatkan Pemegang Kad yang Layak dihilangkan dari hak Pulangan Tunai di bawah Program ini.
- 4.8 Semua Transaksi yang Layak yang dibuat semasa Tempoh Program mestilah berdasarkan masa Malaysia yang direkodkan oleh rekod transaksi Bank dan disiarkan kepada Pelanggan Yang Layak pada Kad yang Layak dalam Tempoh Program. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada sebarang kegagalan dan/atau kelewatan dalam penyampaian bukti transaksi penjualan di atas alasan yang tidak berada dalam kawalan Bank seperti kegagalan, kelewatan, tindakan atau peninggalan pihak Visa dan/atau “Pedagang”.
- 4.9 Kredit Kesetiaan akan dikreditkan ke dalam Kad yang Layak yang dimiliki oleh Pelanggan yang Layak dalam masa sembilan puluh (90) hari bekerja dari tempoh akhir untuk setiap Tempoh Program dan Kredit Kesetiaan (pulangan tunai) akan ditunjukkan dalam penyata akaun kad Pelanggan yang Layak.
- 4.10 Walau apa pun yang disebutkan di atas, Bank berhak untuk menggunakan media atau kaedah lain, termasuk laman sesawang Bank di www.ambank.com.my bagi tujuan mengumumkan hak Pelanggan yang Layak untuk Pulangan Tunai.

5 Kehilangan Kelayakan

Bank berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan yang Layak bagi tujuan Program ini sekiranya:

- a) Akaun Kad yang Layak yang dimiliki oleh Pelanggan yang Layak dalam keadaan lalai dari sebarang kemudahan yang diberikan pada bila-bila masa semasa Tempoh Program; atau
- b) Akaun Kad yang Layak yang dimiliki oleh Pelanggan yang Layak dibatalkan atau ditutup dalam dua belas (12) minggu dari tamatnya Tempoh Program; atau
- c) Pelanggan yang Layak telah memberikan maklumat yang tidak benar atau bertindak menipu atau salah dalam apa-apa cara semasa Tempoh Program; atau
- d) Pelanggan yang Layak telah melanggar mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di sini.

6 Umum

- 6.1 Bank berhak, untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan di sini, sepenuhnya atau sebahagian, dari semasa ke semasa, termasuk untuk mengubah Tempoh Program dengan memberi Notis Terdahulu.
- 6.2 Bank berhak, pada bila-bila masa, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Program ini dengan memberi Notis Terdahulu. Sebarang notis yang akan diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions atau di cawangannya, dan sebarang notis yang sedemikian akan dianggap telah diberikan apabila ia dipaparkan di laman sesawang rasminya atau cawangannya, yang mana lebih dahulu.
- 6.3 Keputusan Bank dalam semua hal berkaitan ketersediaan Program adalah muktamad dan mengikat dan sebarang maklum balas atau rayuan tidak akan dilayan.
- 6.4 Sejauh yang diizinkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad yang Layak apabila berlaku “Force Majeure”. “Force Majeure” merujuk kepada kejadian dan/atau keadaan yang tidak dijangka yang tidak berada dalam kawalan Bank yang wajar, di mana Bank tidak dapat menghalang, menghindari atau menghapuskan seperti kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, pandemik, kemalangan, letupan, pengorbanan jiwa, penguncian, rusuhan, gangguan awam, tindakan musuh awam, bencana alam, “embargo” perang atau tindakan Tuhan.
- 6.5 Bank tidak akan bertanggungjawab pada mana-mana Pemegang Kad yang Layak di atas sebarang kerugian atau kerosakan termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara sampingan, akibat, contoh, punitif atau ganti rugi khas mana-mana penyertaan Pemegang Kad yang Layak di dalam Program ini, atau Bank melaksanakan hak-haknya mengikut mana-mana terma dan syarat ini, melainkan dan kecuali kerugian dan kerosakan yang sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampaui, keingkaran atau penipuan dengan sengaja.
- 6.6 Semua perselisihan mengenai pembinaan, pengesahan dan penafsiran terma dan syarat yang ditetapkan di sini, akan diaturkan, ditafsirkan dan dikuatkuasakan oleh undang-undang Malaysia. Semua pihak dengan ini akan tertakhluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia bagi tujuan tuntutan, tindakan atau proses lain yang timbul atau berdasarkan terma dan syarat di sini.
- 6.7 Pelanggan yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman sesawang korporat Bank bagi sebarang kemas kini Program dan merujuk kepada www.ambank.com.my/terms-and-conditions untuk terma dan syarat yang terkini, jika ada.
- 6.8 Untuk sebarang bantuan/maklum balas bagi Program ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan AmBank SIGNATURE Priority Private di **+603-2178 6600** (Isnin – Ahad, 7.00 pagi hingga 11.00 petang) atau menghantar e-mel ke customercare@ambankgroup.com.

6.9 Versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat ini juga terdapat di www.ambank.com.my/terms-and-conditions.